

Pusat khas pelajar pintar di UKM dijangka siap 2011

Permata Negara salur RM20j untuk didik murid IQ130 ke atas

Oleh Norliza Wasilan
norlizawasilan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pusat khas atau sekolah berasrama penuh menempatkan pelajar pintar dengan tahap IQ daripada 130 ke atas yang dibangunkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dijangka siap menjelang 2011 dengan pengambilannya antara 80 hingga 100 pelajar.

Penaung Permata Negara, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata pelajar pintar berusia 16 hingga 17 tahun diberi peluang mempelajari beberapa kursus disediakan di universiti dengan bantuan seorang profesor UKM.

Katanya, menerusi fasa pertama, Permata akan menyalurkan RM20 juta daripada kerajaan kepada UKM bagi membolehkannya membangunkan pusat berkenaan dengan dilengkapi pelbagai kemudahan bersesuaian dengan tahap pelajar pintar.

"Kita mesti faham, kemudahan disediakan harus sesuai dengan tahap kecerdasan anak pintar ini, jadi mereka perlu lebih sedikit daripada (kemudahan) sekolah biasa, kita belum lagi memperincikan perkara itu, tapi UKM sudah membuat perancangan.

"Kita akan lakukan mengikut fasa kerana untuk merealisasikan semua perkara ini ia terpaksa melalui pelbagai prosedur pentadbiran seperti mendapatkan kebenaran kerajaan, kelulusan tempat dan sebagainya," katanya.

Rosmah berkata demikian



EFFENDY RASHID | BERTI HARIAN

ROSMAH meraikan peserta persembahan kebudayaan 'When Rivers Meet' sempena Persidangan Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak Antarabangsa Malaysia di Istana Budaya, malam tadi.

pada sidang media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Program Permata Pintar Negara antara UKM dan Center for Talented Youth (CTY), Universiti John Hopkins, Amerika Syarikat, di sini, semalam.

“Kita akan lakukan mengikut fasa kerana untuk merealisasikan semua perkara ini ia terpaksa melalui pelbagai prosedur pentadbiran”

Rosmah Mansor
Penaung Permata Negara

UKM diwakili Dekan Fakulti Pendidikannya, Prof Datin Dr Siti Rahayah Ariffin manakala Universiti John Hopkins oleh Pengarah Eksekutif CTY, Dr Lea Ybarra. Hadir sama, isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Sri Norainee Abdul Rahman; Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Sharifah Habsah Syed Hassan Shahabudin dan Pengarah Program Bahagian Antarabangsa CTY, Simeon Brodsky.

Rosmah berkata, 'summer camp' khusus akan diadakan Disember ini untuk 300 pelajar berumur antara sembilan hingga 15 tahun selama dua minggu yang berjaya melepasi Ujian Permata Pintar1 untuk penilaian seterusnya iaitu Ujian Permata Pintar

UKM2 dan Ujian Permata Pintar3.

Ditanya sama ada akan berlaku percanggahan dengan Kementerian Pelajaran yang menguruskan sekolah berasrama penuh yang menempatkan pelajar cemerlang, Rosmah berkata, tiada percanggahan berlaku kerana standard ditetapkan ialah tahap IQ 130 dan ke atas.

"Tak... (Kementerian Pelajaran) tak marah, dia tak akan bercanggah sebab sekolah asrama penuh memang ada pelajar sangat baik tetapi kita tak tahu IQ mereka. Jadi pelajar di sekolah asrama penuh (Kementerian Pelajaran) ini boleh mengambil ujian khas diberikan UKM," katanya.